

SK CATHOLIC ENGLISH PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

PdPR Minggu 38
Selasa ghb November 2021

UNIT 14 TOLERANSI Toleransi Penyelesaian Sengketa Jiran

Disediakan oleh Cikgu Hamisah

TOLERANSI PENYELESAIAN SENGKETA JIRAN



UNIT
14



Fahami cerita. Bincang dalam kumpulan dan bentangkan.



Pada zaman dahulu, sekawan seladang dan kerbau tinggal berjiran di dalam hutan. Mereka selalu bertengkar dan bergaduh kerana berebut kawasan rumput yang subur. Kehidupan kejiranan mereka tidak aman.

Pada suatu hari, ketua seladang berbincang dengan ketua kerbau. Mereka ingin mencari jalan penyelesaian tetapi menemui jalan buntu. Akhirnya, mereka berjumpa dengan Sang Kancil yang bijaksana untuk meminta pertolongan.



Andaikan kamu ialah Sang Kancil. Bagaimanakah kamu dapat menyelesaikan masalah kejiranan seladang dan kerbau dengan mengamalkan sikap toleransi?



◆ Sikap bertoleransi dapat menyelesaikan pelbagai persengketaan antara jiran. Bincangkan. 🍌



KISAH SELADANG
DENGAN KERBAU

• NOTA GURU •

- Bimbing murid menyelesaikan masalah dengan menggunakan pelbagai kaedah.
- Minta murid melakonkan cerita tersebut semula.



14.1
14.2
14.3



Isi tempat kosong bagi melengkapkan cara menyelesaikan masalah kejiranan seladang dan kerbau melalui toleransi.

giliran	membahagikan	keterlaluan	memagut	kumpulan
kawasan	persahabatan	pemangsa	keluarga	terpelihara

1. _____ kawasan rumput yang subur kepada dua _____ yang sama besar untuk kumpulan seladang dan kerbau.
2. Menggunakan sistem _____ mengikut hari supaya setiap _____ dapat bergilir-gilir memagut rumput di kawasan tersebut.
3. Memastikan kedua-dua kumpulan seladang dan kerbau tidak _____ rumput di kawasan tersebut secara _____ supaya kesuburan rumput di kawasan tersebut terus _____.
4. Menggalakkan _____ di antara seladang dan kerbau kerana mereka daripada rumpun _____ yang sama.
5. Mengingatkan seladang dan kerbau bahawa mereka mempunyai _____ yang sama maka mereka haruslah saling menjaga antara satu sama lain.